



MAJLIS PERBANDARAN KUANTAN

KENYATAAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor/pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan Majlis Perbandaran Kuantan untuk mengemukakan tawaran buat masa ini bagi bekalan/perkhidmatan berikut:-

BIL	TAJUK	NOMBOR SEBUTHARGA	KOD BIDANG	HARGA NASKAH	TARIKH TUTUP SEBUTHARGA
1	Membekal Pakaian Seragam untuk Anggota Penguatkuasa dan Anggota Kawalan Keselamatan Majlis Perbandaran Kuantan	(MPK/W/SH:95/2017)	Kementerian Kewangan Malaysia Kod Bidang – 020801, 020802, 020804	RM31.80 (termasuk GST - tidak akan dikembalikan) Bayaran tunai / kiriman wang / bank draf daripada Bank Tempatan Berlesen	20 Oktober 2017 (Jumaat) jam 12.00 tengahari.

1. Dokumen tawaran boleh disemak dan dibeli pada **waktu pejabat sahaja mulai 12 Oktober 2017 (Khamis)** di kaunter berpusat **Ibu Pejabat, Majlis Perbandaran Kuantan, Jalan Tanah Putih, 25100 Kuantan, Pahang Darul Makmur.**
2. Kontraktor/pembekal yang berminat hendaklah mendapatkan dokumen tawaran dengan hadir sendiri serta membawa **sijil-sijil asal yang berkaitan** dengan satu salinan sijil-sijil tersebut berserta wang tunai/ kiriman wang /bank draf.
3. Dokumen tawaran yang telah lengkap dipenuhi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertulis di sudut kiri atas, No. Sebutharga seperti di atas dan dikembalikan kepada **Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuantan, Bahagian Belanjawan dan Perolehan, Jabatan Perbendaharaan, Jalan Tanah Putih, 25100 Kuantan, Pahang Darul Makmur** sebelum tarikh tutup tawaran pada **20 Oktober 2017 (Jumaat) jam 12.00 tengahari.**
4. Pihak MPK tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran serta tidak bertanggungjawab di atas apa juga perbelanjaan yangterlibat oleh kontraktor/pembekal untuk mengemukakan tawaran ini.
5. Sekiranya ada sebarang pertanyaan, sila hubungi **Bahagian Penguatkuasaan dan Keselamatan, Jabatan Pengurusan dan Penguatkuasaan, Majlis Perbandaran Kuantan, Kompleks pasar Borong, Jalan Kemunting 2, 25100 Kuantan, Pahang Darul Makmur.** No. telefon : **09-5121669.**